GEMPUR KECEMERLANGAN SPM
ANJURAN
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA NEGERI PERLIS
TAHUN 2022

# PERATURAN PERMARKAHAN

PENDIDIKAN AL-QURAN DAN AL-SUNNAH
5227/1

**BAHAGIAN A**

1. مد جائز منفصل
2. مد عارض للسكون
3. دباچ ڤنجڠ 2 حركة
4. دباچ بردتق ڤرلاهن
5. مد بدل
6. وقف قبيح
7. هاء ضمير
8. سكون
9. معجزة
10. حديث موقوف
11. مراقبة
12. اولوالأمر
13. ملايني / مڤانتوني
14. نالوري
15. ڤنوليسن
16. رنتاين / رڠكاين
17. قراءات
18. حديث شاذ
19. السلف الصالح / السنة
20. منصلاتكن / مڤمبهيڠكن جنازه

# BAHAGIAN B

<table>
<tr><th colspan="4">SOALAN 1</th></tr>
<tr><td>a)</td><td>i</td><td>Satu Intisari Ayat:<ul><li>Allah menjelaskan bahawa umat Islam diperintahkan menjauhi orang yang mempermainkan agama</li><li>Allah swt murka terhadap golongan yang mempermainkan agama</li><li>Allah akan menghumbankan golongan yang mempermainkan agama ke dalam neraka</li></ul></td><td>1 isi x 2 m = 2 m</td></tr>
<tr><td></td><td>ii</td><td>Kepentingan menangani isu mempersendakan agama :<ol><li>Merupakan satu tanggungjawab untuk membendung kemungkaran</li><li>Dapat mengelakkan pelakunya daripada terjerumus ke dalam api neraka dan azab Allah</li><li>Menzahirkan kemuliaan dan kehebatan umat Islam pada pandangan penganut agama lain</li><li>Menyelamatkan umat Islam daripada terjerumus ke lembah ajaran sesat dan murtad</li></ol></td><td>1 isi x 2 m = 2 m</td></tr>
<tr><td></td><td>iii</td><td><table>
<tr><td>M</td><td>Punca berlakunya gejala tersebut :</td></tr>
<tr><td>I</td><td>Kurang didikan agama</td></tr>
<tr><td>H</td><td>Menyebabkan mereka mudah melakukan sesuatu perbuatan tanpa memikirkan akibat yang akan menimpa</td></tr>
<tr><td>HL</td><td>Kesannya menyebabkan mereka mudah terjerumus ke lembah kesesatan</td></tr>
<tr><td>D</td><td>وَذَرِ ٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُواْ دِينَهُمۡ لَعِبٗا وَلَهۡوٗا</td></tr>
<tr><td>HD</td><td>Dalil diatas memerintahkan umat Islam menjauhi orang-orang yang mempermainkan agama</td></tr>
<tr><td>R</td><td>Kesimpulannya, sebagai umat Islam kita perlulah menjauhkan diri daripada menjadikan agama sebagai permainan agar tidak tercampak ke lembah kehinaan</td></tr>
</table>
( Mana-mana jawapan yang munasabah diterima )</td><td>I - 1 m<br>H - 1 m<br>HL - 1 m<br>D - 1 m<br>HD - 1 m<br>R - 1 m<br>= 6 m</td></tr>
<tr><td colspan="4"></td></tr>
<tr><td>b)</td><td>i</td><td>Sebab nuzul ayat :<br>Marsad bin Abi Marsad menyatakan hasratnya kepada Rasulullah saw untuk mengahwini seorang pelacur bernama Anaq, maka turunlah ayat 3 Surah An-Nur yang melarang lelaki yang baik berkahwin dengan perempuan pelacur.</td><td>1 isi x 2 m = <u>2 m</u></td></tr>
<tr><td></td><td>ii</td><td>Hukuman yang dikenakan ke atas pesalah-pesalah tersebut ialah<br>Pesalah wanita / penzina muhsan - direjam hingga mati<br>- Pesalah lelaki / Penzina Ghairu Muhsan - disebat 100 kali sebatan</td><td>2 isi x 2 m = <u>4 m</u><br>Pesalah – 1 m<br>Hukuman – 1 m</td></tr>
</table>

| | | | |
|---|---|---|---|
| | iii | **Usaha yang boleh dilakukan untuk menjauhi perbuatan zina:**<br>- Menjauhi perkara-perkara yang boleh mendorong kepada zina seperti tidak menjaga aurat dan menonton bahan-bahan lucah<br>- Mengelakkan diri daripada pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan dengan menjaga batas pergaulan mengikut panduan syarak.<br><br>( mana-mana jawapan munasabah diterima ) | 1 isi x 2 m = **<u>2 m</u>**<br><br>**<u>Isi -1m</u>**<br>**<u>Huraian -1m</u>** |
| | iv | **Pengajaran ayat :**<br>- Kita mestilah menjauhi perbuatan zina kerana ia perbuatan yang sangat keji dan dimurkai Allah.<br>- Kita hendaklah berusaha mencari pasangan yang baik kerana ia dituntut oleh agama.<br><br>( Mana-mana jawapan yang munasabah diterima ) | 1 isi x 2 m = **<u>2 m</u>**<br><br>**<u>Isi – 1 m</u>**<br>**<u>Huraian -1m</u>** |

| SOALAN 2 | | | |
|---|---|---|---|
| a) | i | **Satu intisari daripada hadis ialah:**<br>- Rasulullah saw menjelaskan bahawa orang Islam yang paling sempurna imannya adalah mukmin yang paling baik akhlak mereka.<br>- Rasulullah saw menjelaskan bahawa seorang yang terbaik adalah orang yang sentiasa berbuat baik kepada isteri mereka. | 1 isi x 2 m = **2 m** |
| | ii | **Dua kepentingan mempunyai iman yang sempurna ialah**:<br>- Benteng daripada melakukan kemungkaran agar hidup sentiasa diredhai Allah swt<br>- Membentuk muslim yang kuat jati diri agar sentiasa teguh untuk berjihad dalam hidup.<br><br>( Mana-mana jawapan yang munasabah diterima ) | 2 isi x 2 m = **4 m**<br><br>**Isi -1m**<br>**Huraian -1m** |
| | iii | **Kesan berbuat baik kepada isteri ialah**:<br>- Mewujudkan keharmonian dalam rumahtangga agar tidak berlaku penceraian.<br>- Menimbulkan motivasi kepada isteri untuk mentaati suami kerana diri mereka tidak diabaikan.<br><br>( Mana-mana jawapan yang munasabah diterima ) | 1 isi x 2 m = **2 m**<br><br>**Isi -1m**<br>**Huraian -1m** |
| | iv | **Cara terbaik seseorang murid untuk menjauhkan diri daripada akhlak buruk ialah:**<br>- Memilih kawan yang baik untuk didampingi agar diri terdorong ke arah kebaikan.<br>- Sentiasa mengkaji akhlak Rasulullah saw agar dapat mengikuti akhlak yang dianjurkan oleh Islam.<br><br>( Mana-mana jawapan yang munasabah diterima ) | 1 isi x 2 m = **2 m**<br><br>**Isi -1m**<br>**Huraian -1m** |
| b) | i | **Adab bersedekah yang diterangkan di dalam hadis ialah:**<br>- memberi sedekah dengan ikhlas iaitu menyembunyikan sedekah tersebut dari orang lain.<br>- Menyembunyikan sedekah untuk mengelakkan riak | 1 isi x 2 m = **2 m** |
| | ii | **Pengajaran daripada hadis ialah:**<br>- Kita hendaklah sentiasa mengingati Allah swt agar hati sentiasa tenang.<br>- Kita hendaklah sentiasa bersedekah dengan ikhlas agar mendapat ganjaran daripada Allah swt.<br><br>( Mana-mana jawapan yang munasabah diterima ) | 1 isi x 2 m = **2 m**<br>**Isi -1m**<br>**Huraian -1m** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | iii | **KBAT**<br><br>M — **Kesan sekiranya tiada budaya mengimarahkan masjid ialah:**<br>I — Golongan muda akan ketandusan ilmu pengetahuan<br>H — kerana tidak mengikuti program-program di masjid yang berbentuk keilmuan.<br>HL — Hal ini akan menyebabkan mereka terus hanyut dengan perkara yang melalaikan.<br>D — Sebagaimana dalil : طَلَبُ العِلْمِ فَرِيضَةٌ عَلى كُلِّ مُسْلِم<br>HD — Jelaslah bahawa setiap umat Islam perlu mendalami pelbagai bidang ilmu.<br>R — Rumusannya para belia perlu mendekatkan diri dengan masjid agar mereka menjadi generasi yang berilmu.<br><br>( Mana-mana jawapan yang munasabah diterima ) | I - 1 m<br>H - 1 m<br>HL - 1 m<br>D - 1 m<br>HD - 1 m<br>R - 1 m<br>**= 6 m** |

<table>
<tr><th colspan="4">SOALAN 3</th></tr>
<tr><td>a)</td><td>i</td><td>Pengertian ayat Madaniyyah menurut pendapat paling masyhur :<br>Ayat yang diturunkan selepas hijrah</td><td>1 isi x 2 m = <u>2 m</u></td></tr>
<tr><td></td><td>ii</td><td>Dua ciri ayat Makkiyyah ialah:<br>- Membicarakan tentang seruan Tauhid<br>- Mengajak beribadat hanya kepada Allah SWT<br>- Membuktikan kebenaran risalah para Rasul.<br>- Menceritakan kisah Nabi Adam a.s dan Iblis serta kisah para Nabi dan umat terdahulu (kecuali Surah al-Baqarah)<br>- Ayat-ayat yang pendek<br>- Ayat-ayat yang bermula dengan Huruf-huruf Al-Muqottoa’h<br>- Mengandungi lafaz يا أيها الناس kecuali pada Surah al-Hajj<br>- Mengandungi ayat Sajdah<br>- Mengandungi lafaz كَلاَّ<br>- Menceritakan tentang gambaran Hari Kiamat, syurga, neraka</td><td>2 isi x 2 m = <u>4 m</u></td></tr>
<tr><td></td><td>iii</td><td>Dua usaha yang boleh anda lakukan untuk menggunakan ayat Makiyyah dan Madaniyyah sebagai panduan dalam memahami kandungan Al-Quran:<br><br>- Membaca buku-buku ilmiah dan mentadabbur ayat Makkiyyah dan Madaniyyah agar memahami isi kandungan al Quran<br>- Mengkaji dan meneliti gaya bahasa ayat Makkiyyah dan Madaniyyah supaya lebih memahami kehendak ayat al Quran yang sebenar<br>- Melakukan kajian berkaitan ayat Makkiyyah dan ayat Madaniyyah dalam buku-buku dan tulisan para ilmuan yang pakar dalam bidang tersebut sebagai rujukan umat Islam</td><td>2 isi x 2 m = 4 m<br><br>Isi-1m<br>Huraian -1m</td></tr>
<tr><td colspan="4"></td></tr>
<tr><td>b)</td><td>i</td><td>Maksud Ulum Hadis menurut istilah :<br>Gagasan ilmu yang mengandungi usul dan kaedah-kaedah untuk mengetahui tentang perihal sanadnya dan matannya / sama ada ia diterima ataupun ditolak.</td><td>1 isi x 2 m = <u>2 m</u></td></tr>
<tr><td></td><td>ii</td><td>Kedudukan hadis sebagai sumber hukum:<br>- Merupakan sumber hukum kedua selepas Al-Quran.</td><td>1 isi x 2 m = <u>2 m</u></td></tr>
<tr><td></td><td>iii</td><td>KBAT
<table>
<tr><td>M</td><td>Ulamak mengklafisikasikan hadis seperti di atas:</td></tr>
<tr><td>I</td><td>Untuk memudahkan umat Islam mengenal status sesebuah hadis</td></tr>
<tr><td>H</td><td>supaya tidak beramal dengan hadis palsu dan sangat lemah</td></tr>
<tr><td>HL</td><td>Kesannya dapat menjadikan seseorang itu terhindar daripada perkara yang merosakkan Iman.</td></tr>
<tr><td>D</td><td>تركت فيكم أمرين لن تضلوا ما تمسكتم بهما، كتاب الله وسنة رسول الله.</td></tr>
</table></td><td>KBAT<br><br>I - 1 m<br>H - 1 m<br>HL - 1 m<br>D - 1 m<br>HD - 1 m<br>R - 1 m<br>= 6 m</td></tr>
</table>

| | |
|---|---|
| HD | Dalil di atas memberi jaminan bahawa orang yang berpegang teguh dengan Al-Quran dan hadis tidak akan sesat dalam kehidupan . |
| R | Kesimpulannya, kita hendaklah berterima kasih kepada ahli hadis yang telah bersusah payah mengklasifikasikan hadis demi kemaslahatan umat Islam. |

( Mana-mana jawapan yang munasabah diterima )

| SOALAN 4 | | | |
|---|---|---|---|
| a) | i | **Pengertian aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah :**<br>Golongan yang memahami dan berpegang teguh dengan al Quran dan Sunnah Rasulullah saw menerusi para sahabat, tabi'in dan tabi' tabi'in serta setia bersama mereka dalam prinsip-prinsip aqidah, syariah dan akhlak. | 1 isi x 2 m = **2 m** |
| | ii | **Sebab kita dituntut berpegang dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah:**<br>- Dapat membersihkan aqidah agar tidak terhindar daripada kesesatan<br>- Menjadi syarat asas penerimaan sesuatu amalan agar dikira di sisi Allah swt<br>- Kehidupan akan diredhai oleh Allah swt kerana mengikut syariatNya | 1 isi x 2 m = **2 m**<br>**Isi-1m**<br>**Huraian -1m** |
| | iii | **Dua golongan Syiah :**<br>1. Syiah Zaidiyyah<br>2. Syiah Imamiyyah<br>3. Syiah Bathiniyyah<br>4. Syiah Ismailiyyah<br>5. Syiah Ghullat | 2 isi x 1 m = **2 m** |
| | iv | **Dua faktor sebilangan masyarakat masih tertarik dengan fahaman Syiah walaupun difatwakan sebagai ajaran sesat :**<br>- Cetek dalam bidang agama menyebabkan mereka mudah terikut dengan fahaman syiah<br>- Tertarik dengan amalan syiah seperti nikah mut'ah yang menyalahi syariat<br>- Mengikut secara membuta tuli tanpa usul periksa kerana tiada ilmu<br><br>( Mana-mana jawapan yang munasabah diterima ) | 2 isi x 2 m = 4 m<br>**Isi-1m**<br>**Huraian -1m** |
| | | | |
| b) | i | **Dua tindakan masyarakat untuk menjaga dan memulihara alam dan persekitaran:**<br>- Mengadakan program ceramah kesedaran berkaitan kepentingan alam sekitar<br>- Menanam pokok bagi menyahut seruan 'Bumi Hijau'<br>- Menyertai program kemasyarakatan seperti gotong royong<br>- membersihkan kawasan pembiakan nyamuk aedes<br>- Mengambil sikap ambil peduli dengan persekitaran seperti menasihati jiran sekiranya berlaku pembuangan sampah merata-rata | 2 isi x 1 m **= 2 m** |

<table>
<tr><td></td><td>ii</td><td>Adab penjagaan orang sakit daripada aspek fizikal :<br>- Memastikan pesakit sentiasa bersih tubuh badan, pakaian dan tempat<br>- Menghantar pesakit ke tempat rawatan mengikut kemampuan<br>- Mengasingkan jenis ubat mengikut bekas yang dikhaskan agar tidak tersalah makan<br>- Menyediakan bilik yang selesa untuk pesakit agar emosi mereka sentiasa terkawal</td><td>2 isi x 1 m = 2 m</td></tr>
<tr><td></td><td>iii</td><td>KBAT<br><table>
<tr><td>M</td><td>Kesan amalan di atas ketika menziarahi pesakit :</td></tr>
<tr><td>I</td><td>Pesakit berasa tenang</td></tr>
<tr><td>H</td><td>Kerana mereka memerlukan sokongan daripada keluarga dan rakan terdekat</td></tr>
<tr><td>HL</td><td>Kesannya dapat meringankan penderitaan yang ditanggung</td></tr>
<tr><td>D</td><td>الدعاء سلاح المؤمن</td></tr>
<tr><td>HD</td><td>Dalil di atas menjelaskan doa merupakan senjata bagi orang Mukmin</td></tr>
<tr><td>R</td><td>Kesimpulannya, sebagai umat Islam kita dianjurkan menziarahi dan mendoakan kesembuhan pesakit agar memberi ketenangan terhadap penderitaan yang dialami oleh mereka</td></tr>
</table><br>( Mana-mana jawapan yang munasabah diterima )</td><td>I - 1 m<br>H - 1 m<br>HL - 1 m<br>D - 1 m<br>HD - 1 m<br>R - 1 m<br><br>= <u>6 m</u></td></tr>
</table>

## PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT